

SULBACIN TABLET

Sultamicillin (375 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sulbacin
2. Bagaimana Sulbacin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Sulbacin
4. Cara menggunakan Sulbacin
5. Semasa menggunakan Sulbacin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sulbacin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Sulbacin

Sulbacin digunakan untuk merawat jangkitan pada perut, kulit dan tisu lembut, saluran pernafasan, telinga, hidung, tekak, genital dan saluran kencing.

Bagaimana Sulbacin berfungsi

SULBACIN mengandungi sultamicillin, yang membunuh bakteria dengan menghalang pembentukan dinding sel.

Sebelum mengambil Sulbacin

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil SULBACIN jika:

- anda alah kepada antibiotik penicillin atau cephalosporin atau sebarang bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini (disenarai dalam Maklumat Lanjut).

-Sebelum mula mengambil

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada/mempunyai:

- mononukleosis berjangkit (penyakit akibat ciuman), kerana ia boleh menyebabkan ruam kulit atau jangkitan *super infection*

- mengandungi, merancang untuk mengandungi atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat. Sulbacin boleh melintasi plasenta dan dirembeskan ke dalam susu ibu. Keselamatan penggunaan semasa mengandung dan menyusukan anak belum dibuktikan, perhatian apabila

ubat ini diberikan kepada wanita mengandung atau menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Ubat-ubatan yang mungkin berinteraksi dengan Sulbacin adalah seperti berikut:

Ubat antigout: allopurinol, Probenecid

Ubat cair darah

Antibiotik: chloramphenicol, erythromycin, sulfonamides dan tetracyclines

Kontraseptif oral

Ubat imunosupresif: methotrexate

Reagen: Reagen Benedict, Fehling dan Clinitest.

Cara menggunakan Sulbacin

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak dengan berat badan melebihi 30kg: Dos biasa 1-2 tablet dua kali sehari selama 5-14 hari.

Jika anda mempunyai penyakit buah pinggang yang teruk (*Creatinine clearance* kurang daripada 30 ml/min), doctor anda akan mengurangkan kekerapan mengambil ubat.

Ikuti semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Tablet harus ditelan keseluruhan, dengan banyak air.

-Bila perlu digunakan

Gunakan dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Rawatan biasanya untuk 5-14 hari atau diteruskan sehingga 48 jam

selepas demam dan gejala yang lain telah sembuh.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kesan pada sistem saraf, termasuk sawan (Rujuk pada Kesan sampingan).

Semasa menggunakan Sulbacin

-Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil SULBACIN.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil SULBACIN.

Ambil SULBACIN hanya dengan preskripsi doktor.

Beritahu doktor anda sebelum menjalani sebarang ujian makmal kerana SULBACIN boleh memberikan keputusan positif palsu untuk ujian glukosa dalam air kencing.

Untuk terapi yang berpanjangan, anda dinasihatkan untuk memeriksa fungsi

SULBACIN TABLET

Sultamicillin (375 mg)

buah pinggang, hati dan darah secara berkala.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Sulbacin Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain,, SULBACIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan SULBACIN adalah:

Kesan pada kulit: tidak kerap- ruam, gatal, bengkak, keradangan kulit, geligata, keradangan teruk permukaan kulit, gangguan kulit teruk seperti *toxic epidermal necrolysis* atau sindrom *Stevens-Johnson*

Kesan pada buah pinggang: radang dalam tubul buah pinggang

Kesan pada darah: jarang- sel darah merah rendah, bilangan platelet yang rendah, yang mungkin menyebabkan pendarahan di bawah kulit, sel darah putih tinggi atau rendah, pembekuan platelet yang tidak normal

Kesan pada sistem saraf: pening, jarang-rasa mengantuk, sakit kepala, sawan

Kesan pada hati: Peningkatan enzim hati

Kesan umum: keletihan, ketidakselesaan

Kesan pada gastrousus: cirit-birit, sangat jarang - keradangan teruk pada lapisan dalaman usus besar

Kesan pada saluran pernafasan: kesukaran bernafas

Kesan pada sistem imun: tindak balas alahan, tindak balas alahan yang teruk

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Jauhkan ubat-ubatan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

SULBACIN didapati dalam bentuk tablet bersalut, berwarna putih, berbentuk kapsul, dwicembung, dengan perkataan SULBACIN terukir di tengah-tengah pada satu sisi.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Sultamicillin tosilate

- Bahan tidak aktif: : Maize Starch, Lactose Monohydrate, Sodium Starch Glycolate, Hydroxypropyl cellulose, Magnesium Stearate, Hydroxy Propyl Methyl Cellulose, Titanium Dioxide, Diethyl phthalate, Methanol, Methylene chloride

-Nombor MAL

MAL20061565AZ

Pengilang

Unichem Laboratories Ltd.
Village Bhatauli Kalan, Baddi,
District Solan (H.P)- 173 205, India

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn. Bhd
74-3, Jalan Wangsa Delima 6, KLSC
Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/09/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)150923/00077